



SOALAN LAZIM (FAQ):

SLIP PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU MALAYSIA (LMM)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Slip Pembaharuan LMM?	Slip Pembaharuan LMM adalah dokumen lesen memandu dalam bentuk kertas keselamatan yang telah diseragamkan untuk penggunaan sepanjang tempoh interim.
2.	Bagaimakah penggunaan Slip Pembaharuan LMM ini?	Penggunaan Slip Pembaharuan LMM ini hendaklah disertakan bersama Lesen Memandu Malaysia asal (kad fizikal/digital).
3.	Siapakah yang layak untuk mendapatkan Slip Pembaharuan LMM ini?	Semua pemegang Lesen Memandu Malaysia yang sah.
4.	Di manakah Slip Pembaharuan LMM ini dikeluarkan?	Pengeluaran Slip Pembaharuan LMM ini boleh dilakukan melalui kaunter JPJ, Pos Malaysia Berhad dan melalui perkhidmatan MyEG Services Berhad.
5.	Adakah terdapat caj tambahan yang dikenakan untuk mendapatkan Slip Pembaharuan LMM?	Tiada caj tambahan yang dikenakan. Ia termasuk di dalam fi pembaharuan LMM.
6.	Berapakah fi yang akan dikenakan untuk pembaharuan LMM?	Kadar fi adalah tertakluk kepada tempoh pembaharuan, fi penyelaras tarikh lahir dan kelas lesen yang dimiliki oleh pemohon.
7.	Apakah maklumat yang terdapat di dalam Slip Pembaharuan LMM?	Maklumat yang tertera adalah nama, nombor kad pengenalan, kelas lesen memandu, tarikh kuatkuasa dan nombor siri lesen.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.	Sekiranya saya mempunyai lesen memandu digital, perlukah saya mengemukakan Slip Pembaharuan LMM?	Tidak perlu, pemegang LMM Digital hanya perlu mengemukakan lesen digital sahaja.
9.	Adakah Slip Pembaharuan LMM sah digunakan terutamanya ketika berada di sekatan jalan raya?	Ya. Slip Pembaharuan LMM ini sah digunakan dan boleh dikemukakan kepada pihak berkuasa bersama Lesen Memandu Malaysia asal (kad fizikal/digital) apabila diminta berbuat demikian.
10.	Adakah Slip Pembaharuan LMM ini boleh digunakan untuk memandu di luar negara?	<p>Tidak. Slip Pembaharuan LMM tidak boleh digunakan bagi urusan di luar negara.</p> <p>Pemegang LMM perlu hadir ke kaunter JPJ berdekatan untuk memohon salinan kad fizikal LMM bagi urusan ke luar negara dan dikenakan bayaran fi salinan sebanyak RM20. Pembuktian / dokumen sokongan urusan ke luar negara juga perlu dikemukakan bagi urusan tersebut.</p> <p>Contoh pembuktian dokumen sokongan: Tiket Perjalanan / Surat Tawaran / Pasport / lain-lain dokumen yang berkaitan.</p>
11.	Adakah pemegang LMM Bukan Warganegara layak untuk mendapatkan Slip Pembaharuan LMM?	Ya. Pemegang LMM Bukan Warganegara layak untuk mendapatkan Slip Pembaharuan LMM.
12.	Adakah saya boleh memilih untuk melaksanakan pembaharuan LMM tanpa cetakan fizikal	Ya. Pemegang LMM boleh memilih dan digalakkan untuk membuat pembaharuan LMM secara digital tanpa memperoleh kad fizikal/Slip Pembaharuan LMM.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	iaitu secara digital?	
13.	Jika Slip Pembaharuan LMM saya hilang/rosak, bolehkah saya mendapatkan semula salinan Slip LMM tersebut?	Boleh. Pemegang LMM akan dikenakan bayaran fi salinan sebanyak RM20.
14.	Jika saya telah membuat pembaharuan LMM dan memilih untuk mendapatkan cetakan Slip Pembaharuan LMM, adakah maklumat terkini LMM saya tertera di dalam aplikasi MyJPJ?	Ya. Semua maklumat berkaitan LMM dikemaskini secara masa sebenar (<i>real-time</i>) di dalam sistem JPJ dan aplikasi MyJPJ.
15.	Sekiranya saya memperbaharui LMM melalui Portal Awam mySIKAP, adakah saya akan diberikan Slip Pembaharuan LMM ketika hadir di kaunter JPJ?	Ya. Pemegang lesen akan diberikan Slip Pembaharuan LMM sekiranya pembaharuan dibuat dengan memilih cetakan fizikal. Jika memilih pembaharuan LMM secara digital, tiada cetakan Slip Pembaharuan LMM akan dikeluarkan.
16.	Adakah pengeluaran Slip Pembaharuan LMM termasuk Lesen Vokasional?	Tidak. Slip Pembaharuan LMM ini hanya melibatkan urus niaga pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (CDL) sahaja.